

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian menyokong penghasilan ubat-ubatan versi generik menerusi perlesenan wajib yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 bagi ubat Hepatitis C, Sofosbuvir, dalam usaha mengurangkan harga pasaran ubatan terbabit agar ianya dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat terutama golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, ubat sofosbuvir yang digunakan untuk merawat Hepatitis C di Malaysia diperolehi melalui pelaksanaan Hak Kerajaan dan ubat tersebut diimport dari negara Mesir. Bekalan ubat tersebut yang diimport masih lagi dapat menampung penggunaan semasa bagi merawat pesakit Hepatitis C. Oleh yang demikian, keperluan untuk menghasilkan atau mengilang ubat ini menerusi perlesenan wajib masih belum diperlukan.

2. Untuk makluman, ubat yang diperolehi melalui Hak Kerajaan ini hanya boleh digunakan bagi merawat pesakit di fasiliti kesihatan Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, pihak *Gilead Sciences* yang memegang hak paten bagi ubat Sofosbuvir telah memberi kelulusan *Voluntary*

License kepada Malaysia. Kelulusan ini membenarkan ubat generik Sofosbuvir yang dikilangkan di India dapat diimport oleh Malaysia.

3. Sehingga kini, terdapat dua (2) produk ubat generik Sofosbuvir di bawah *Voluntary License* telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan diberi kebenaran untuk dipasarkan di Malaysia dengan harga yang jauh lebih rendah berbanding ubat *innovator* Sofosbuvir.

4. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, berhubung usaha untuk mengurangkan harga pasaran ubat Sofosbuvir agar ianya dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan B40, pada masa ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang bekerjasama dan berusaha dalam menyediakan mekanisme kawalan harga untuk ubat-ubatan.

Sekian, terima kasih.